

▼20/02/11-01MST

CNS5394

R GB 20-02 00116 BA039

bah

Mahathir - Penerbangan (Dengan Gambar)

LIMA SEBAGAI CARA MENGGALAKKAN INDUSTRI PENERBANGNAN

I

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) merupakan satu cara bagi menggalakkan industri penerbangan di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata LIMA telah menjadi acara besar walaupun dirancang untuk dibuat secara kecil-kecilan ketika mula diadakan pada 1991.

LIMA bagaimanapun bukan untuk menyaingi pertunjukan udara yang diadakan di negara-negara lain, katanya semasa melancarkan perkhidmatan penyewaan helikopter Syarikat Mohfaz Air di stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi di sini.

LIMA yang akan datang akan diadakan Disember ini, katanya. -- Lagi.

▼20/02/11-48MST

CNS5399

R GB 20-02 00113 BA040

bah

Mahathir - Penerbangan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Kira-kira 500 syarikat dijangka menyertai acara tahun ini.

Mengenai perkhidmatan penyewaan helokopter itu, Dr Mahathir berkata beliau berharap syarikat-syarikat seumpama itu yang melibatkan diri dalam pengangkutan akan berjaya.

Mofaz Air akan menyediakan penerbangan sewa tidak berjadual bagi penumpang-penumpang dan kargo menggunakan helikopter "Bell 206L-4 LongRanger," yang boleh membawa enam penumpang.

Menurut kenyataan syarikat itu, perkhidmatan berkenaan bertujuan untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap penerbangan sewa ke destinasi-destinasi dalam negeri terutamanya tempat yang tidak mendapat perkhidmatan secara kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan yang ada.

Dr Mahathir kemudian menaiki helikopter itu selama kira-kira setengah jam. -- Bernama.

▼20/02/11-52MST